



**KHUTBAH KHAS
HARI RAYA AIDILFITRI 1442H**

Siri: 20/2021

01 SYAWAL 1442H

Bersamaan

13 MEI 2021

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima.

Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا .

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ .

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ .

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَكَفَى وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا

عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نُورَاهُدَى، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ

وَمَنْ بِهِمُ اهْتَدَى .

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا، فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

Kaum Muslimin Muslimat yang dimuliakan Allah

Alhamdulillah kita semua telah berjaya melaksanakan semua kewajiban sebulan bulan Ramadan dengan penuh keindahan dan kenikmatan. Pada siang harinya

kita telah menahan lapar, dahaga dan hawa nafsu serta anggota tubuh badan kita dari tuturkata, akhlak dan tingkah laku yang tidak sopan dengan penuh kesabaran dan keimanan kepada Allah. Pada waktu malam pula kita berlumba-lumba ke masjid dan surau untuk kita menunaikan solat fardu dan solat Tarawih serta witr secara berjemaah, selepas itu diteruskan lagi dengan tadarus al Quran sama ada di masjid atau surau atau di rumah. Sebahagian umat Islam pula mampu menambah ibadah mereka dengan bangun awal untuk bertahajjud, membaca Al Quran dan bersahur. Di sepuluh akhir Ramadan pula kita berlumba-lumba mencari Lailatul Qadar dengan pelbagai amal ibadah. Sebahagian kita pula berlumba-lumba berkongsi rezeki kurniaan Allah kepadanya dengan berzakat, bersedekah dan berwakaf, serta membantu saudara seislam dari kalangan yang tidak bernasib baik. Inilah hakikat keindahan hidup di bulan Ramadan yang mulia ini, umat Islam hidup dalam suasana aman damai, harmoni, patuh dan taat kepada Allah, bersatupadu, hormat menghormati, berkasih sayang serta cakna antara satu sama lain kerana Allah. Amat benarlah firman Allah azza wajalla dalam surah An-Nahl :97 :

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيَاةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Ertinya: Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik, dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberi pahala yang lebih dari apa yang mereka kerjakan.

Rasulullah saw juga pernah menggambarkan kegembiraan dan kebahagiaan orang-orang telah berpuasa apabila tiba masa mereka berbuka atau apabila tiba

masa menyambut Idul Fitri, malah mereka lebih gembira lagi apabila mereka menemui Tuhan mereka kelak.

Sabda Rasulullah saw :

لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ : فَرْحَةٌ عِنْدَ إِفْطَارِهِ ، وَ فَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ

Ertinya: *Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan, kegembiraan ketika berbuka atau menyambut hariraya, dan kegembiraan ketika dia menemui Tuhannya.* (Bukhari dan Muslim)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ

Muslimin muslimat yang dimuliakan Allah

Ramadan yang mulia ini telah mengajar dan mendidik kita di Madrasah Ramadaniah tentang keindahan hidup hakiki sebagai seorang hamba Allah di bumiNya. Yang pasti bulan Ramadan telah pergi meninggalkan kita semalam dengan meninggalkan satu anugerah sijil kejayaan di dalam jiwa kita yang tertulis padanya kalimah Taqwa sebagai bekal untuk kita meneruskan perjalanan hidup di sebelas bulan yang akan datang dengan penuh berkat, bahagia, aman dan damai berpandukan hidayah dan panduan Allah. Justeru, mimbar Idul Fitri hari ini ingin mengajak semua muslimin dan muslimat supaya meneruskan kecemerlangan yang kita perolehi di bulan Ramadan tersebut pada bulan-bulan yang mendatang dengan meneruskan perkara-perkara berikut:

- 1- Meneruskan keindahan sikap sabar kita dengan istiqamah kekal sebagai insan muslim penyabar dalam menunaikan segala suruhan Allah dan

meninggalkan larangannya, sabar dalam mengharung segala ujian kehidupan di bulan-bulan yang akan datang. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ۚ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Ertinya: *Wahai orang-orang yang beriman, mintalah pertolongan dengan bersabar dan dengan sembahyang, sesungguhnya Allah sentiasa bersama orang-orang yang sabar*

- 2- Suburkanlah keghairahan kita memakmurkan masjid dan surau dengan kita memenuhi rumah-rumah Allah dengan kita melakukan solat lima waktu secara berjemaah dan menghadiri majlis-majlis ilmu.
- 3- Terus memperkuatkan hubungan dengan Allah (hablun minallah) yang telah kita bina sebelum ini dengan melakukan solat sunat, zikrullah, bersedekah dan puasa sunat terutama puasa enam di bulan Syawal ini. Sabda Nabi:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Ertinya: *Barangsiapa yang berpuasa sebulan penuh Ramadan dan diikuti dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal seolah dia berpuasa sepanjang tahun. (Muslim)*

- 4- Memperteguhkan hubungan sesama manusia (hablun minannas) terutamanya ahli keluarga, saudara seislam, jiran tetangga dan lain-lain sepertimana yang kita lakukan di bulan Ramadan dengan kita menguatkan tali silaturrahim atau menjalin ikatan ukhuwwah sesama muslim, bersikap pemaaf, bertolak ansur dan suka tolong menolong sesama kita.

5- Meneruskan kecemerlangan membaca dan bertadarus Al Quran dengan kita terus menjadikan Al Quran teman hidup seharian kita, membaca dan memahami kandungannya, dan berusaha menjadikannya panduan atau petunjuk dalam kehidupan kita.

Semoga amalan-amalan yang dilakukan secara berterusan dan istiqamah sebegini akan menjadi sebab kepada kebahagiaan, keberkatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat nanti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغُفُورُ الرَّحِيمُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحُطْبَةُ الثَّانِيَةُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ،

وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ الَّذِي لَا شَرِيكَ

لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الصَّادِقُ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ

الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ،

وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Bersempena dengan hari lebaran yang mulia ini, hendaklah kita terus berusaha untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala, dengan memperbanyakkan amal ibadah. Ambillah kesempatan ini untuk melakukan apa jua yang terbaik untuk kebahagiaan dunia dan akhirat bagi diri, keluarga, saudara dan umat Islam.

Saudara Muslimin Dan Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,

Marilah kita mengenang jasa rasul kesayangan kita, Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم yang telah menyelamatkan kita dengan perjuangannya, membawa ajaran Islam. Sayang dan kasih kepada Baginda dinyatakan, dengan sentiasa berselawat kepadanya, kerana perintah Allah Taala dalam Al Quran, surah al-Ahzab ayat 56;

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



Yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah Taala dan para malaikat-Nya sentiasa berselawat ke atas Nabi (Muhammad صلى الله عليه وسلم), wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu keatasnya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan keatasnya dengan sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ
حَمِيدٌ مُجِيدٌ .

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ .

اللَّهُمَّ أَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِنَا، وَاجْعَلْنَا مِنَ الرَّاشِدِينَ. اللَّهُمَّ أَحْسِنْ
عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، وَأَجِرْنَا مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ
مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا،
وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ،
سُلْطَانَةِ تَرْعَكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكَو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ
الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

